

AKTIVITI PENDAKIAN BUKIT LARUT DALAM PROGRAM ‘INSKEP BMI CHALLENGE’ (IBC)

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4868-aktiviti-pendakian-bukit-larut-dalam-program-inskep-bmi-challenge-ibc

TAIPING, 22 Apr 19 - Pegawai Memerintah Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP), Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM bersama 16 anggota Program ‘INSKEP BMI Challenge’ (IBC) telah mengadakan aktiviti pendakian di Bukit Larut, Perak sejauh 27 KM pergi dan balik. Aktiviti ini telah diselaraskan oleh Pegawai Sukan INSKEP, Lt Muhamad Syazwan bin Ahmad TUDM.

Objektif utama program ini dilaksanakan adalah bagi membantu anggota mencapai tahap BMI unggul yang menjadi syarat utama bagi kenaikan pangkat dan pengesahan jawatan dalam perkhidmatan.

